



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	12/06/2012

Anwar digesa beri penjelasan isu RM3 bilion

KUALA LUMPUR: Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim digesa supaya tampil memberi penjelasan berhubung pendedahan bekas Penolong Gabenor Bank Negara, Datuk Abdul Murad Khalid dalam akaun berkanunnya pada 1999.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kedah, Datuk Mukhriz Mahathir, berkata sejak perkara itu didedahkan Abdul Murad lebih 10 tahun lalu, isu berkenaan seolah-olah 'tergantung' tanpa sebarang penyelesaian atau penjelasan.

"Anwar harus memberi penjelasan berhubung isu berkenaan kerana saya melihat apa yang didedahkan oleh Abdul Murad itu satu tuduhan yang serius, kita tahu selama ini beliau (Anwar) sering membuat tuduhan bahawa parti ke-



rajaan mengamalkan rasuah tetapi dalam isu ini Anwar masih tidak menjawab.

"Apa yang didedahkan Abdul Murad itu dilihat sebagai satu tuduhan

"Anwar harus memberi penjelasan berhubung isu berkenaan kerana saya melihat apa yang didedahkan oleh Abdul Murad itu satu tuduhan yang serius"

Mukhriz Mahathir
Timbalan Pengerusi
Badan Perhubungan UMNO Kedah

serius, manakala pihak yang dituduh pula tidak memberi apa-apa penjelasan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Sebelum ini, akhbar melaporkan

Abdul Murad dalam akaun bersumpahnya bertarikh 26 Oktober 1999, mendedahkan Anwar menggunakan kedudukannya sebagai Menteri Kewangan dengan mewujudkan lebih 20 akaun induk bernilai RM3 bilion untuk mencapai cita-cita politiknya.

Sementara itu, Mukhriz yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, beliau berasa pelik mengapa Penasihat PKR itu sehingga kini tidak memfailkan saman terhadap Abdul Murad.

"Baru-baru ini, Anwar memfailkan saman fitnah terhadap Datuk S Nallakaruppan di atas pendedahan yang dibuat bekas sahabat karibnya itu, bagaimana pula dengan pendedahan yang dibuat oleh Abdul Murad, ini bukan soal peribadi tetapi lebih serius lagi," katanya.